

Pemindahan Organ Nasional (di Block 3 Level 1 Singapore General Hospital, Singapore 169608, Tel: 63214390), Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi Hotline HOTA di 1800-2254-122 atau lawati laman web MOH di www.moh.gov.sg

Tanggungjawab anda

Walaupun kami mempunyai tanggungjawab untuk melindungi kepentingan anda sebagai pesakit kami, adalah penting untuk anda juga turut memainkan peranan anda dalam keseluruhan proses rawatan. Kami mahu memberikan anda penjagaan sebaik mungkin yang memenuhi keperluan anda dan menangani kebimbangan keluarga anda. Kami mohon anda dan keluarga anda:

1. Memberi maklumat lengkap tentang sejarah perubatan anda (termasuk alahan dan ubat yang anda sedang ambil, keadaan kewangan dan butiran lain yang berkaitan untuk membolehkan kami membantu anda. Ini juga termasuk maklumat perubatan sensitif, seperti kehamilan yang ditamatkan, status virus HIV, penyakit-penyakit mental, yang mungkin dikongsi oleh kumpulan penjaga perubatan yang menjaga perubatan anda. Ini untuk memastikan pengurusan kesihatan anda selamat dan terbaik. Yakin bahawa maklumat akan diurus mengikut undang-undang semasa.
2. Mematuhi rancangan rawatan yang diberikan kepada anda oleh penjagaan kesihatan profesional kami.
3. Memaklumkan kepada kami apabila anda menghadapi masalah yang menghalang anda daripada mematuhi rancangan rawatan.
4. Memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam keadaan perubatan anda.
5. Bertanggungjawab menjelaskan bayaran dan bil yang diperlukan bagi perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada anda, tepat pada waktunya.
6. Melantik seorang pembuat keputusan untuk menjelaskan kemahuan anda kepada kami mengenai penjagaan anda sekiranya anda tidak boleh berbuat demikian.
7. Berkomunikasi dengan semua kakitangan, pesakit dan pelawat lain dengan hormat dan sopan.
8. Mematuhi peraturan hospital seperti masa lawatan.
9. Bertanya soalan sekiranya anda tidak pasti akan sebarang arahan. Ini adalah supaya kami tahu bahawa anda berupaya menjaga diri anda sendiri di rumah selepas keluar dari hospital.

Maklum balas

Kami menghargai maklum balas anda dalam usaha berterusan kami untuk memperbaiki perkhidmatan bagi manfaat pesakit kami. Sekiranya anda mempunyai cadangan atau ingin berkongsi pengalaman anda mengenai perkhidmatan kami, sila isikan borang tinjauan Pengalaman Pesakit atau telefon Pejabat Pengalaman Pesakit di +1800-293-3297. Anda juga boleh hubungi kami melalui laman web kami di www.kkh.com.sg

Nota

- ¹ Arahan Awal Perubatan adalah dokumen undang-undang yang anda tandatangi lebih awal untuk memaklumkan doktor yang merawat anda bahawa anda tidak mahu sebarang rawatan untuk mempertahankan hidup untuk memanjangkan hidup anda dalam keadaan anda menghidap penyakit yang membawa maut dan tidak sedarkan diri.
- ² Pertukaran Rekod Perubatan Elektronik (EMRX) adalah suatu inisiatif oleh Kementerian Kesihatan dan dua kelompok penjagaan kesihatan awam, SingHealth (KKH adalah sebahagian daripadanya) dan Kumpulan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan, untuk berkongsi rekod perubatan elektronik di semua hospital awam dan poliklinik di Singapura. EMRX membolehkan kakitangan perubatan yang terlibat dalam penjagaan anda memenuhi keperluan perubatan anda yang unik dengan lebih baik dan lebih pantas. Maklumat berikut akan dikongsi:
 - Ringkasan Keluar Hospital yang memberi ringkasan tentang rekod tempoh rawatan anda di hospital baru-baru ini
 - Keputusan ujian makmal, X-ray dan ujian radiologi lain
 - Maklumat pembedahan
 - Ubat yang dipreskripsikan


Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Arahan Awal Perubatan dan EMRX, sila lawati laman web Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.sg



100 Bukit Timah Road
Singapore 229899
Tel: 6-CALL KKH (6-2255 554)
Faks: 6293 7933
Laman web: www.kkh.com.sg
www.facebook.com/kkh.sg



Hak dan Tanggungjawab Pesakit



Reg No 198904227G AOPepr(M)0917

PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®



■ Melindungi kepentingan pesakit dan keluarga mereka

Hospital Wanita dan Kanak-kanak KK (KKH) beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti bagi memastikan hasil terbaik untuk pesakit kami. Matlamat kami adalah memberi khidmat kepada anda, para pesakit kami serta keluarga anda dengan menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti, dibina atas nilai nilai perikemanusiaan, perasaan hormat dan integriti. Sebagai penyedia penjagaan kesihatan anda, profesional perubatan kami berusaha merawat keadaan perubatan anda dan melindungi kesejahteraan anda tanpa mengira usia, bahasa, kaum, agama atau status sosial anda.

Di KKH, keperluan perubatan anda disediakan oleh sekumpulan profesional perubatan lelaki dan wanita yang telah diberi lesen oleh pihak berkuasa tempatan.

■ Menjaga dan menghormati

1. Di KKH anda akan dilayan dengan hormat dalam persekitaran yang bermartabat, berperikemanusiaan dan selamat. Keselamatan peribadi anda bermaksud anda bebas daripada kekangan fizikal atau pengasingan melainkan keadaan ini diperlukan sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan keseluruhan. Perlindungan sewajarnya akan diberikan kepada pesakit kurang upaya, lanjut usia dan mereka yang mempunyai keperluan khas.
2. Kami menghormati nilai-nilai peribadi anda, agama dan kepercayaan etnik serta keperluan untuk bersendirian tanpa gangguan. Anda boleh mengerjakan amalan agama dan/atau etnik asalkan tidak mengganggu keharmonian dan menyebabkan pertikaian dengan orang lain. Jika anda memerlukan bantuan dalam bidang ini, sila maklumkan kepada jururawat di dalam wad. Jururawat anda boleh mengaturkan lawatan oleh penasihat agama.
3. Membuat keputusan mengenai rawatan perubatan bagi penyakit serius boleh menjadi sukar bagi anda dan keluarga anda. Kami akan berbincang dengan anda dan keluarga anda dan sekiranya perlu, meminta nasihat Sekretariat Jawatankuasa Etika. Kami menghormati dan mematuhi keputusan yang anda buat dalam Arahan Awal Perubatan¹, jika ada.
4. Anda berhak meminta pandangan perubatan kedua dari dalam atau luar hospital.

■ Kerahsiaan dan privasi

1. Kami menyimpan rekod semua lawatan pesakit dan terikat dengan undang-undang dan etika profesional untuk merahsiakan rekod perubatan anda, termasuk Rekod Perubatan Elektronik² dan semua aspek rawatan yang diberikan kepada anda.

2. Maklumat ini hanya akan dikongsi dengan mereka yang terlibat dalam menyediakan penjagaan untuk anda.
3. Maklumat ini juga mungkin dikongsi dengan kakitangan lain dalam pentadbiran hospital untuk tujuan operasi hospital seperti pemantauan perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan kami kepada anda.
4. Kami juga adalah pusat utama untuk penyelidikan perubatan di wilayah ini. Oleh itu, mungkin terdapat keperluan untuk melihat rekod perubatan bagi penyelidikan dan latihan perubatan, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang atau hospital. Anda boleh berasa yakin bahawa mereka yang melihat rekod anda itu mempunyai kewajipan undang-undang untuk tidak mendedahkannya.
5. Dalam keadaan tertentu, kami mungkin dikehendaki oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat, seperti untuk tujuan pemberitahuan penyakit berjangkit.
6. Selain keadaan yang disebutkan di atas, kami akan mendapatkan kebenaran bertulis daripada anda sekiranya kami perlu berkongsi maklumat anda kepada pihak ketiga.
7. Kami akan menjalankan rundingan, pemeriksaan, rawatan dan perbincangan kes secara yang tidak menonjol dan menghormati privasi peribadi anda.

■ Penjelasan dan maklumat mengenai rawatan anda dan hasilnya

1. Anda berhak mendapat maklumat tentang keadaan perubatan anda yang perlu disampaikan kepada anda dengan cara yang boleh anda fahami. Maklumat ini termasuk perkara-perkara berikut, melainkan dalam keadaan kecemasan dan di mana berkaitan:
 - Pilihan rawatan (termasuk proses pembedahan)
 - Hasil yang diketahui
 - Risiko rawatan yang diketahui
 - Risiko dan akibat yang diketahui sekiranya pesakit tidak dirawat
 - Anggaran bil hospital
 - Rancangan penjagaan berterusan setelah keluar dari hospital
 - Nama profesional penjagaan kesihatan yang bertanggungjawab terhadap rawatan anda
2. Selain itu, anda juga boleh meminta:
 - Salinan laporan perubatan menurut dasar hospital
 - Penjelasan tentang bil hospital anda
 - Sebarang maklumat tambahan atau soalan yang anda mungkin ada mengenai hal-hal sepanjang anda dirawat di hospital
3. Maklumat yang diberi akan membantu anda membuat keputusan untuk mengizinkan atau menolak rawatan dan/atau prosedur yang dicadangkan.
4. Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk tidak menjalankan rawatan atau meninggalkan

hospital tanpa menghiraukan nasihat doktor, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, anda boleh melakukannya setelah menandatangani borang untuk meminta keluar dari hospital atas kemahuan sendiri yang bertentangan dengan nasihat perubatan.

5. Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas akibat yang timbul daripada keputusan anda ini.
6. Anda akan dimaklumkan tentang hasil rawatan yang dirancang dan hasil yang tidak dijangka, jika ada.

■ Hospital Akademik

KKH adalah sebuah hospital yang menyediakan latihan kepada generasi masa depan profesional penjagaan kesihatan untuk memenuhi keperluan negara. Mungkin ada masa apabila doktor dan pelajar-pelajar perubatan, kejururawatan dan disiplin kesihatan bersekutu akan turut serta menjaga anda dibawah penyeliaan doktor yang bertanggungjawab.

■ Penyelidikan

Sebelum menjalankan penyelidikan perubatan yang melibatkan subjek manusia, kami dikehendaki mendapatkan keizinan bertulis daripada pesakit untuk menyertai projek penyelidikan tersebut. Anda boleh memilih untuk menolak daripada menyertainya atau memilih keluar daripada projek penyelidikan itu pada bila-bila masa sahaja selepas memberikan keizinan bertulis anda. Keputusan anda untuk tidak menyertainya tidak akan menjejaskan tahap jagaan yang anda berhak terima.

■ Pendermaan Organ

Pendermaan organ adalah satu-satunya cara yang boleh memberi kualiti hidup yang lebih baik kepada pesakit yang mengalami kegagalan organ seperti kegagalan jantung, hati dan ginjal. Akta Pemandahan Organ Manusia atau HOTA membenarkan organ (ginjal, hati, jantung dan kornea mata) mereka yang telah meninggal dunia di hospital, selalunya berpunca daripada kemalangan, pendarahan otak atau tumor otak, dikeluarkan untuk tujuan pembedahan. Akta ini berkuat kuasa atas semua warganegara Singapura dan Penduduk Tetap berusia 21 tahun dan keatas yang waras, kecuali mereka memilih keluar, HOTA juga mengawal pembedahan organ daripada penderma hidup.

Pembedahan organ memberi ramai pesakit peluang hidup baru. Anda boleh memilih untuk keluar daripada HOTA jika anda tidak ingin menderma organ selepas meninggal dunia. Permintaan anda akan dihormati. Borang memilih keluar daripada HOTA boleh didapati daripada hospital dan poliklinik atau daripada Unit

